

# **Ireka terima projek RM163 juta**

**KUALA LUMPUR 21 Mac - Ireka Engineering & Construction Sdn. Bhd. telah menerima surat anugerah (LoA) daripada anak syarikat OSK Property Holdings Bhd., bagi membina dua blok apartmen perkhidmatan di Cyberjaya bernilai RM163 juta.**

**Menurut syarikat induknya, Ireka Corporation Bhd. (Ireka) ke Bursa Malaysia, projek tersebut, Pan'gaea Solstice fasa kedua, membabitkan pembinaan apartmen dua blok setinggi 35 tingkat dan 39 tingkat, tempat letak kenderaan, kolam mandi serta 946 unit apartmen SOHO.**

**Projek itu dijangka bermula 29 Mac 2013 dan dijangka tamat dalam tempoh 28 bulan.**

**Projek Pan'gaea Solstice dijangka memberi sumbangan positif kepada perolehan Ireka Group bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014.**